

TEKS UCAPAN

**YBHG DATO' SR. AZIZ BIN ABDULLAH
KETUA PENGARAH
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

SEMPENA

**PERHIMPUNAN BULANAN DAN
MAJLIS ANUGERAH PRESTASI PERKHIDMATAN
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

PADA 14 MEI 2019

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS

YBHG. DATO' IR MOHD SHUHAIMI BIN HASSAN

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)

YBHRS. IR. ABDULLAH BIN HASHIM

TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)

YBHRS. PN. ZURAIDA BTE SHAHARUDIN

PENGARAH KANAN PENGURUSAN

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

PEGAWAI DAN KAKITANGAN

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN

ASSALAMUALAIKUM WBT.

PENDAHULUAN

ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SELAMAT SEJAHTERA.

ALHAMDULILLAH, SAYA MEMANJATKAN SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN KEPADA ALLAH S.W.T KERANA DENGAN RAHMAT DAN INAYAHPNYA, KITA DAPAT BERSAMA-SAMA HADIR DI PERHIMPUNAN BULANAN DAN MAJLIS ANUGERAH PRESTASI PERKHIDMATAN BAGI BULAN MEI 2019 INI.

BULAN RAMADHAN MELATIH DIRI DAN MENCEGAH KEMUNGKARAN
HADIRIN SEKALIAN,

1. UMAT ISLAM PADA HARI INI TELAH 9 HARI MENJALANI IBADAH PUASA. PUASA ADALAH SATU IBADAH YANG DIWAJIBKAN KEPADA UMAT ISLAM SELAMA 30 HARI DENGAN MENAHAN DIRI DARIPADA LAPAR DAN DAHAGA. PUASA MENCEGAH KITA DARIPADA MELAKUKAN SEBARANG YANG DILARANG DAN YANG TIDAK BAIK BAGI DIRI KITA.

2. BULAN PUASA INI DIJADIKAN SEBAGAI BULAN UNTUK MELATIH DAN MENGAWAL DIRI KITA SUPAYA BERDISIPLIN DARIPADA DIPENGARUHI OLEH NAFSU KITA. JIKA KITA TIDAK BERJAYA MELAWAN NAFSU, MAKA SUDAH TENTU KITA AKAN MENGHADAPI PELBAGAI MASALAH. UMPAMANYA, JIKA KITA TERLIBAT DENGAN RASUAH MESKIPUN KITA MENGETAHUI BAHAWA RASUAH ITU DILARANG, TETAPI KITA TIDAK MELAWAN NAFSU APABILA DIHULUR RASUAH KEPADA KITA. DENGAN ITU, KITA AKAN MENJADI MANUSIA YANG LEMAH DAN TIDAK DAPAT MENGAWAL DIRI DALAM APA JUA KEADAAN. ORANG YANG LEMAH TIDAK MUNGKIN AKAN BERJAYA. HANYA ORANG YANG KUAT MENGAWAL NAFSU SAHAJA YANG AKAN BERJAYA.

3. OLEH ITU, SEMESTINYA SEMUA YANG BERAGAMA ISLAM AKAN MEMAHAMI AKAN TUJUAN BERPUASA IAITU BUKAN SEMATA-MATA UNTUK MENDAPAT PAHALA TETAPI AKAN MENJADIKAN KITA SEBAGAI MANUSIA YANG BAIK DAN BOLEH DIPERCAYAI.

4. BAGI YANG BUKAN BERAGAMA ISLAM JUGA, MEREKA TENTU MEMAHAMI AKAN SEBAB-SEBAB BERPUASA KERANA MEREKA JUGA MEMPUNYAI ACARA BERPUASA YANG BERBEZA DARIPADA KITA TETAPI TUJUANNYA ADALAH SAMA IAITU MENGAWAL DIRI DARIPADA MELAKUKAN PERKARA-PERKARA YANG DILARANG.

5. SAYA BERSYUKUR KERANA KITA MASIH SIHAT UNTUK MELAKSANAKAN IBADAH DAN IA MENJADI SATU LATIHAN SEUMUR HIDUP TERHADAP HASIL YANG BAIK BAGI DIRI KITA SEBAGAI MANUSIA YANG BOLEH DIPERCAYAI. OLEH ITU, SAYA INGIN MENGUCAPKAN SELAMAT BERPUASA KEPADA SEMUA WARGA LLM YANG BERAGAMA ISLAM DAN SAYA BERHARAP AGAR KITA DAPAT MENERUSKAN IBADAH PUASA INI DENGAN PENUH NIAT UNTUK MENGAWAL DIRI BUKAN SAHAJA DARIPADA LAPAR DAN DAHAGA, TETAPI JUGA DARIPADA PERBUATAN-PERBUATAN YANG DILARANG OLEH AGAMA KITA DAN MASYARAKAT.

PEMBANGUNAN NEGARA MALAYSIA BAHARU DAN PENERAPAN NILAI RAJIN, AMANAH, DISIPLIN, DAN BERTANGGUNGJAWAB

HADIRIN SEKALIAN,

6. HARI INI KITA DIPERDENGARKAN LAGU BAHARU BERTAJUK “MALAYSIA BAHARU”, DAN LAGU INI MEMBERI PENUH MAKNA YANG MENDESAK AGAR KITA DAPAT MENUMPUKAN KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA KITA SUPAYA KITA AKAN TERUS MERDEKA DAN TENTULAH AKAN TERPENGARUH SEDIKIT SEBANYAK DENGAN LAGU INI. KITA JUGA MEMBACA DOA DAN DOA ITU MEMINTA DARIPADA TUHAN SUPAYA DIBERI KEPADA KITA SEGALA NIKMAT YANG BERPANJANGAN. TETAPI, KITA HARUS INGAT DI DALAM AL-QURAN TELAH DISEBUT BAHAWA KITA BOLEH MEMOHON DARIPADA ALLAH S.W.T, TETAPI JIKA KITA TIDAK BERUSAHA, MAKA KITA TIDAK AKAN DAPAT KEJAYAAN YANG DIPOHON.

7. KITA TENTU AKAN BERASA BANGGA APABILA NEGARA KITA DISEBUT OLEH ORANG ASING SEBAGAI SEBUAH NEGARA CONTOH, MODEL DAN NEGARA YANG BARU SAHAJA BEBAS DARIPADA CENGKAMAN PENJAJAH. SEBAB ITU, APABILA KITA BERNYANYI DAN BERDOA SEBENTAR TADI, KITA HARUS MEMBERI SEPENUH PERHATIAN KEPADA ISI KANDUNGAN TERHADAP NYANYIAN DAN

DOA ITU DAN KITA BERUSAHA KE ARAH MENCAPAI PERMINTAAN-PERMINTAAN DARIPADA ALLAH S.W.T.

HADIRIN SEKALIAN,

8. EMPAT NILAI HIDUP IAITU, RAJIN, AMANAH, DISIPLIN, DAN BERTANGGUNGJAWAB PERLU MENJADI AMALAN SERTA PEGANGAN PENJAWAT AWAM KHUSUSNYA WARGA LLM KETIKA MENJALANKAN TUGAS DEMI KEJAYAAN DIRI JABATAN DAN JUGA NEGARA.

9. NILAI-NILAI INI PERLU DIGUNAKAN UNTUK MEMPERINGATI DIRI SERTA TANGGUNGJAWAB DAN PASTINYA SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA DAN JABATAN-JABATAN LAIN AKAN MENGHORMATI KITA.

10. DALAM MENJALANKAN TUGAS KITA MESTI JALANKAN DENGAN SEBAIK MUNGKIN, KITA YANG ADA DALAM KERAJAAN INI DIBERI ILMU, ADA YANG SAMPAI UNIVERSITI, GUNA KECEKAPAN DALAM TUGAS DAN JANGAN KHIANATI BANTUAN YANG DIBERIKAN KEPADA KITA.

11. ADA BANGSA YANG BERJAYA, ADA BANGSA YANG GAGAL, KALAU DIPERHATIKAN, BANGSA YANG BERJAYA MEMPUNYAI SIFAT TERTENTU DAN BANGSA YANG GAGAL MEMPUNYAI SIFAT BERLAINAN.

12. APABILA BEKERJA CUKUP RAJIN, IKHLAS DAN AMANAH, KALAU ITU PEGANGAN KITA, KITA AKAN BERJAYA, KALAU DIBERI TANGGUNGJAWAB TAPI DIABAIKAN, TIDAK BEKERJA DENGAN KUAT, TERBABIT RASUAH, PASTI AKAN MENDATANGKAN MASALAH KEPADA JABATAN SETERUSNYA KEPADA NEGARA.

13. SAYA BERHARAP PERJUMPAAN BULANAN INI DAPAT DIGUNAKAN UNTUK MEMPERINGATI DIRI KITA AKAN TANGGUNGJAWAB KITA KEPADA JABATAN DAN NEGARA. TEGURAN SEPERTI INI ADALAH UNTUK KITA INGAT AGAR KITA SEDAR DAN AKAN DIHORMATI OLEH SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA, KONTRAKTOR DAN LAIN-LAIN YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG KERANA KEBOLEHAN DAN KEJAYAAN KITA.

BERANI BERUBAH

HADIRIN SEKALIAN,

14. SELEPAS PERUBAHAN KEPIMPINAN NEGARA, PELBAGAI ISU MELIBATKAN PERKHIDMATAN AWAM DITIMBULKAN. OLEH ITU SEBAGAI TUNJANG KEPADA KERAJAAN YANG MEMERINTAH, KITA PERLU BERBUAT SESUATU DAN MEMPUNYAI KEBERANIAN UNTUK BERUBAH.

15. INI HASIL DARI TINDAK TANDUK SEGELINTIR PEGAWAI AWAM YANG DILIHAT TIDAK NEUTRAL DAN DIPENGARUHI DENGAN UNSUR-UNSUR POLITIK DALAM MELAKSANAKAN TUGAS YANG AKHIRNYA MENJEJASKAN KREDIBILITI PERKHIDMATAN AWAM. SEBAGAI TUNJANG KEPADA KERAJAAN, PERKHIDMATAN AWAM JUGA PERLU MENILAI PRESTASI PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN KEPADA RAKYAT.

16. SAMA ADA PENILAIAN YANG DIBERIKAN ADALAH BAIK ATAU SEBALIKNYA, KITA SEBAGAI PENJAWAT AWAM PERLU BERTANGGUNGJAWAB SEPENUHNYA. WALAU BAGAIMANAPUN, DIAKUI ADALAH SUKAR UNTUK MEMUASKAN HATI SEMUA ORANG. DENGAN ADANYA MEDIA SOSIAL, PRESTASI PERKHIDMATAN AWAM, SAMA ADA BAIK ATAU BURUK LEBIH MUDAH UNTUK DISAMPAIKAN DAN DISEBARKAN KEPADA RAKYAT. KOMEN-KOMEN TERSEBUT SEBENARNYA ADALAH MENIFESTASI PENILAIAN MEREKA TERHADAP PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN OLEH JENTERA KERAJAAN. JUSTERU PERKHIDMATAN AWAM PERLU MELAKUKAN *REALITY CHECK* BAGI TUJUAN PENAMBAHBAIKAN.

17. SEHUBUNGAN ITU JUGA, PERKHIDMATAN AWAM SERIUS UNTUK MELAKSANAKAN PERUBAHAN. INI DIBUKTIKAN MELALUI LAPORAN KAJIAN SEPARUH PENGGAL RMK-11, DI MANA TONGGAK PERTAMANYA IALAH 'MEREFORMASI TADBIR URUS KE ARAH MENINGKATKAN KETELUSAN DAN KECEKAPAN PERKHIDMATAN AWAM' YANG MERANGKUMI 4 BIDANG KEUTAMAAN DAN 12 STRATEGI BAGI MENCAPAI MAKSUD TERSEBUT.

PEMBAHARUAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM

HADIRIN SEKALIAN,

18. ANTARA USAHA ATAU PENAMBAHBAIKAN YANG TELAH DAN SEDANG DILAKSANAKAN ADALAH PENGENALAN FRASA BARU "SAYA YANG MENJALANKAN AMANAH" BAGI MENGGANTIKAN FRASA LAMA "SAYA YANG MENURUT PERINTAH". PENGENALAN FRASA BARU INI BERTUJUAN UNTUK MENGATASI PERSEPSI LAMA RAKYAT YANG MELIHAT PENJAWAT AWAM SEBAGAI *ENTITY* YANG MENGIKUT PERATURAN SECARA MEMBUTA TULI TANPA USUL PERIKSA.

19. USAHA-USAHA LAIN YANG TELAH DIAMBIL ADALAH PENAMBAHBAIKAN TADBIR URUS DALAM PROSES KENAIKAN PENGKAT PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI DIMANA ANGGOTA PENTADBIRAN (MENTERI) TIDAK LAGI DIBENARKAN UNTUK CAMPUR TANGAN DALAM URUSAN KENAIKAN PANGKAT DAN PENEMPATAN PEGAWAI.

20. PERKARA INI TELAH DIBICANGKAN BERSAMA DENGAN ANGGOTA PENTADBIRAN DAN TELAH DIPERSETUJUI SEMASA MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS ANTI RASUAH (JKKMAR) YANG DIPENGERUSIKAN OLEH YAB PM SENDIRI.

21. BAGI MENDOKONG MALAYSIA BAHARU, PERKHIDMATAN AWAM MEMPERKENALKAN PEMBAHARUAN BERSANDARKAN KEPADA EMPAT TONGGAK UTAMA IAITU:

- I. SEVICE DELIVERY REFORM;
- II. HUMAN RESOURCES MANAGEMENT REFORM;
- III. INSTITUTIONAL REFORM; DAN
- IV. FISCAL REFORM

DI BAWAH SERVICE DELIVERY REFORM, ANTARA INISIATIF DIPERKENALKAN IALAH:

- I. ALTERNATIVE SERVICE DELIVERY (ASD);
- II. DIGITAL GOVERNMENT;
- III. WESERVE;
- IV. MEMPERKENALKAN KLINIK KOMUNITI; DAN
- V. DASAR KOMUNITI NEGARA

SEMENTARA ITU, DI BAWAH HUMAN RESOURCES MANAGEMENT REFORM PEMBAHARUAN DIPERKENALKAN IALAH:

- I. MEMPERKENALKAN AKTA PERKHIDMATAN AWAM:
- II. MELAKSANAKAN KAWALAN SAIZ PERKHIDMATAN AWAM:
- III. PELANTIKAN BAHARU PENJAWAT AWAM SECARA KONTRAK:
- IV. DIGITAL GOVERNMENT COMPETENCY AND CAPABILITY READINESS (DGCCR):
- V. MYPORTFOLIO: DAN
- VI. ENGLISH ASSESSMENT FOR SENIOR CIVIL SERVANTS (EASCS)

DI BAWAH INSTITUTIONAL REFORM PULA, ANTARA PEMBAHARUAN DILAKSANAKAN IALAH:

- I. PENUBUHAN KEMENTERIAN/AGENSI BAHARU (SEPERTI PUSAT GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTI RASUAH NASIONAL (GIACC), KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KPUN) DAN KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI;

- II. PENCANTUMAN KEMENTERIAN (SEPERTI KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (MESTECC) DAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA);
- III. PENUBUHAN PARLIAMENT SELECT COMMITTEE BAGI PEMILIHAN JAWATAN-JAWATAN UTAMA DALAM SECTOR AWAM (SEPERTI PEGUAM NEGARA, PANGLIMA ANGKATAN TENTERA DAN KETUA POLIS NEGARA); DAN
- IV. PENUBUHAN MAJLIS PERUMAHAN NEGARA.

FISCAL REFORM PULA TURUT MELIBATKAN:

- I. PELAKSANAAN ZERO-BASED BUDGETING;
- II. BAJET 2019 BERASASKAN MALAYSIA WIBAWA, EKONOMI DINAMIK, RAKYAT SEJAHTERA;
- III. SISTEM GST KEPADA SST ; DAN
- IV. KAJIAN SEPARUH PENGGAL RMKE-11 – PENEKANAN BAHARU DALAM MEREFORMASI DASAR SEDIA ADA DAN MENYEMAK SEMULA DASAR SOSIO-EKONOMI

SECARA KESIMPULAN, SAYA PERCAYA PERKHIDMATAN AWAM SEDIA ADA TELAH PUN MENGAMBIL PELBAGAI PENDEKATAN DAN INISIATIF UNTUK MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG TERBAIK KEPADA “STAKEHOLDERS”. WALAU BAGAIMANAPUN, USAHA-USAHA TERSEBUT MASIH PERLU DIPERTINGKATKAN DAN KAEDAH/ PENDEKATAN BARU HARUS SENTIASA DITEROKA DAN DISELARASKAN DENGAN HALA TUJU, HASRAT DAN KEHENDAK

SEBENAR YANG DIINGINKAN TERUTAMA OLEH YAB PERDANA MENTERI.

ANUGERAH PRESTASI PERKHIDMATAN CEMERLANG KKR 2018

ANUGERAH BERPRESTASI BAIK LLM 2018

ANUGERAH PEKERJA CONTOH LLM 2018

HADIRIN SEKALIAN,

22. DIKESEMPATAN INI, SAYA INGIN MENGUCAPKAN SYUKUR ALHAMDULILLAH KERANA PADA HARI INI JUGA KITA DAPAT BERKUMPUL UNTUK MERAIKAN PEGAWAI-PEGAWAI DAN WARGA LLM DI MAJLIS ANUGERAH BERPRESTASI BAIK DAN ANUGERAH PEKERJA CONTOH PERINGKAT LLM TAHUN 2018.

23. UNTUK MAKLUMAN, ANUGERAH PRESTASI PERKHIDMATAN CEMERLANG PERINGKAT KEMENTERIAN KERJA RAYA TELAH BERLANGSUNG PADA 30 APRIL 2019 YANG TELAH DISEMPURNAKAN OLEH YB TUAN HJ MOHD ANUAR BIN MOHD TAHIR, TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA.

24. SAYA DIFAHAMKAN SERAMAI 27 ORANG WARGA LLM TELAH LAYAK DAN MENERIMA ANUGERAH PRESTASI PERKHIDMATAN CEMERLANG KKR TAHUN 2018.

25. PADA HARI INI JUGA SAYA DIFAHAMKAN SERAMAI 28 ORANG WARGA LLM AKAN MENERIMA ANUGERAH BERPRESTASI BAIK DAN SEORANG WARGA LLM AKAN MENERIMA ANUGERAH PEKERJA CONTOH BAGI TAHUN 2018.

26. SAYA YAKIN SETIAP PENERIMA ANUGERAH-ANUGERAH INI ADALAH DIANTARA YANG TELAH BERUSAHA, TAHUN DEMI TAHUN UNTUK MENINGKATKAN PRESTASI TUGAS TUAN-TUAN. OLEH ITU, JADIKANLAH HARI INI SEBAGAI SATU TITIK TOLAK KEPADA TUAN DAN PUAN UNTUK MELAKSANAKAN ANJAKAN PERUBAHAN KE ARAH PENGHASILAN KUALITI KERJA YANG LEBIH CEMERLANG PADA MASA AKAN DATANG.

27. MENINGKATKAN PROSES PERKHIDMATAN ADALAH PENTING DALAM MEMASTIKAN LLM AGAR TERUS MAMPU BERSAING DAN KEKAL CEMERLANG. PENANDA ARAS KUALITI PERKHIDMATAN YANG BAIK MERUPAKAN SALAH SATU STRATEGI PERSAINGAN YANG DAPAT MENINGKATKAN PRESTASI INDIVIDU YANG BEKERJA DAN SETERUSNYA MENINGKATKAN PRESTASI LLM SECARA UMUMNYA.

PENUTUP

HADIRIN SEKALIAN,

28. BAGI MENGAKHIRI UCAPAN, SAYA INGIN MENYERU DAN MENGINGATKAN WARGA LLM SUPAYA SENTIASA BERUSAHA UNTUK MENGEKALKAN MOMENTUM KECEMERLANGAN DAN BERKUALITI DALAM MEMBERIKAN PERKHIDMATAN TERBAIK. SEMOGA KITA BEROLEH MANFAAT DAN PENGETAHUAN YANG BERGUNA MELALUI PERHIMPUNAN PADA PETANG INI.

SEKIAN, WABILLAHİ TAUFİQ WALHİDAYAH WASSALAMU'ALAIKUM WARAHMATULLAHİ WABARAKATUH.